

11 SEP 1996

Selangor-Pulau

SELANGOR BANGUNKAN PULAU CAREY SOKONG PELABUHAN BARAT

SHAH ALAM, 11 Sept (Bernama) -- Selangor akan membangunkan 2,000 hektar tanah di Pulau Carey bersebelahan Pulau Indah bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan untuk Pelabuhan Barat, komponen terbaru Pelabuhan Klang, yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib berkata Unit Perancang Ekonomi Negeri sudah diminta membuat perancangan kawasan sekitar Pelabuhan Klang amnya bagi menampung pelbagai kegiatan hiliran kepada kegiatan utama pelabuhan.

"Antara perancangan ini termasuk pembinaan sebuah jambatan dari Pulau Carey ke Pulau Indah bagi memudahkan pengangkutan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah yang diambil Kerajaan Selangor bagi menyokong pembangunan industri pelabuhan dan hasrat Perdana Menteri supaya semua agensi kerajaan membantu meningkatkan perdagangan negara melalui Pelabuhan Klang.

Muhammad berkata pembinaan jambatan itu dan pembangunan Pulau Carey akan secara langsung membantu mempertingkatkan kegiatan di Pelabuhan Barat.

Sebelum itu, Muhammad berkata Selangor yang mencatatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 10.9 peratus pada 1995 dijangka mengalami perkembangan sebanyak 10.7 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Kadar ini mencukupi bagi membolehkan Selangor mencapai status negeri maju pada tahun 2000 apabila KDNK per kapita bagi negeri ini meningkat kepada RM12,396 berbanding RM8,687 pada 1995," katanya, yang bagaimanapun menegaskan bahawa Selangor menetapkan matlamat menjadi negeri maju pada 2005.

Beliau berkata sektor pembuatan terus bertambah penting sumbangannya kepada KDNK Selangor iaitu meningkat kepada 58.1 peratus pada tahun 2000 berbanding 56.2 peratus pada 1995.

Antara kejayaan yang dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-6 ialah pengurangan kadar kemiskinan dari 7.8 peratus pada 1990 kepada 2.2 peratus pada 1995 dan menetapkan matlamat membasmi sepenuhnya kemiskinan pada tahun 2000.

"Kemudahan air dan elektrik berjaya dibekalkan ke seluruh negeri, manakala kadar pengangguran dikurangkan dari 2.6 peratus pada 1990 kepada 1.1 peratus pada 1995," katanya.

Muhammad berkata Selangor mendapat peruntukan awam RM6,900 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-7 dengan RM5,800 juta adalah dari sumber Persekutuan dan RM1,200 juta dari sumber negeri. Daripada jumlah itu RM4,600 juta dikhaskan bagi pembangunan ekonomi dan RM2,200 juta untuk pembangunan sosial dan bakinya untuk projek keselamatan termasuk peningkatan askar wataniah.

-- BERNAMA

MNY AHH